

BAB DUA

Tinjauan Kajian- Kajian yang Berkaitan

Bab ini akan memberi tumpuan kepada beberapa tinjauan kajian yang berkaitan dengan cara guru memberi maklum balas terhadap hasil karangan pelajar dan reaksi pelajar terhadap maklum balas guru. Kajian-kajian ini termasuklah yang ditulis oleh sarjana luar negeri dan juga yang ditulis oleh sarjana tempatan. Bab ini juga, akan menghuraikan pendekatan mengajar karangan secara proses, iaitu satu pendekatan mengajar karangan yang memberi tumpuan kepada proses-proses yang dilalui oleh seseorang pelajar untuk menghasilkan sebuah karangan.

Pendekatan Proses dalam Penulisan Karangan

Pendekatan Proses dalam pengajaran dan pembelajaran karangan memberi penekanan kepada proses-proses yang dilalui oleh pelajar dalam menghasilkan sebuah karangan. Menurut Applebee (1986), pendekatan proses melihat kepada apa yang dilakukan oleh penulis seperti merancang, menulis, menyemak, menyunting, dan sebagainya.

Peringkat-Peringkat dalam Proses Penulisan

Seseorang pelajar perlu melalui beberapa peringkat penulisan bagi menghasilkan sebuah penulisan karangan yang lengkap. Setiap peringkat penulisan ini, mempunyai kepentingannya yang tersendiri dan ia perlu diajar secara terperinci. Pianko (1979), membahagikan proses penulisan kepada tujuh peringkat, iaitu

prapenulisan (prewriting), perancangan (planning), mengarang (composing), membaca semula (rereading), berhenti (stopping), melihat hasil tulisan (contemplating), dan menghantarnya (handing).

Ruggiero (1981) pula, membahagikan proses penulisan kepada perancangan (planning), menulis (writing), dan menyunting (editing). Pada peringkat perancangan, idea-idea dapat disatukan agar berpusat kepada tajuk. Peringkat menulis pula memerlukan penulis berhati-hati memilih ayat, dan struktur bahasa. Pada peringkat menyunting penulis mencari kesalahan, dan membuang perkara yang tidak perlu untuk memurnikan pendapat bagi menghasilkan sebuah karangan yang berkesan.

Glatthorn (1981) pula, mencadangkan lima peringkat yang harus dilalui oleh setiap pelajar bagi menghasilkan sebuah karangan. Peringkat-peringkat tersebut adalah seperti yang berikut:

- (a) penerokaan (exploring) iaitu aktiviti dan proses mental yang digunakan oleh pelajar untuk menguji dunia luar dan meneroka dunia dalam. Pelajar juga bersedia untuk membuat keputusan bagi perancangan bahan penulisan,
- (b) merancang (planning) iaitu keputusan mental bagi menetapkan isi dan penyusunan sewaktu menulis. Selalunya karangan ditulis dalam bentuk nota atau rangka kasar,
- (c) merangka karangan (drafting), ia merupakan perlakuan psikomotor (seperti melukis, menulis, menaip) dengan menggunakan perkataan dan ayat dalam penulisan,
- (d) menyemak (revising) iaitu membuat keputusan untuk mengubah dan menyusun semula tentang apa yang telah ditulis, dan

- (e) berkongsi (sharing) iaitu membuat pertukaran dengan rakan, iaitu idea dan bahan penulisan dikongsi bersama.

Arapoff (1985), pula mencadangkan enam peringkat dalam proses penulisan, iaitu mendapatkan fakta (getting ideas), mencantumkan fakta (putting ideas together), merangka (drafting), mendapatkan maklum balas (getting feedback), menyemak (revising), dan menyunting (editing). Setiap peringkat ini mempunyai fungsi dan peranannya masing-masing.

Berdasarkan pendapat-pendapat di atas, dapat dirumuskan bahawa untuk menghasilkan sebuah karangan beberapa proses perlu dilalui oleh pelajar, antaranya yang terpenting ialah peringkat prapenulisan, iaitu idea diperolehi; peringkat menulis draf, iaitu penulis mencari makna dengan memberi penekanan kepada isi; peringkat penyemakan, iaitu penulis menyemak semula pendapat-pendapat dan memikirkan apa yang perlu ditulis dan bagaimana cara hendak menyampaikannya; peringkat penyuntingan ialah peringkat akhir di mana penulis akan memfokuskan kepada kesalahan-kesalahan mekanis seperti ejaan, pemilihan kata, dan tanda-tanda bacaan. Narayanan Kunci Raman (1991) menambah satu lagi peringkat, iaitu penerbitan di mana hasil-hasil penulisan pelajar dipamer dan diterbitkan dalam majalah kelas atau sekolah.

Dalam proses mengarang itu, proses penyemakan amat dipentingkan untuk memperbaiki mutu sesebuah karangan. Mengikut Fitzgerald dan Markham (1987),

... Revisions means making changes at any point in the writing process. It is a cognitive problem-solving process in that it involves detection between intended and initiated texts, decisions about how to make desired changes, and making the desired changes. (hlm. 4)

Peringkat penyemakan memerlukan penulis membaca semula, memeriksa, atau

menyemak apa yang telah ditulis, mempertimbangkan di mana dan bagaimana draf pertama dapat diperbaiki dan ditulis semula. Awang Sariyan (1992), menyatakan proses ini mungkin melibatkan perubahan makna dan mungkin tidak, mungkin melibatkan sebahagian karangan dan tidak mustahil menyentuh semua, dan boleh juga berfokus kepada mengedit aspek permukaan ayat sahaja.

Aspek penyemakan ini penting kerana proses penulisan tidak tamat selepas percubaan pertama. Penulis perlu menyemak dan menulis semula karangannya sehingga mencapai kesempurnaan dan keberkesanan. Ini kerana, draf yang pertama selalunya mengandungi banyak idea tetapi dengan kecacatan-kecacatan dan kesilapan-kesilapan yang memerlukan pembetulan. Penyemakan boleh dilakukan oleh penulis sendiri, rakan sebaya, atau guru.

Elbow dan Belanoff (1989), (dalam Marohaini 1992) menjelaskan tahap-tahap penyemakan terbahagi kepada tiga tahap yang berikut:

Penyemakan Peringkat Pertama

Melihat semula atau memikirkan semula tentang apa-apa yang telah ditulis. Mereka mengenali peringkat ini sebagai peringkat menyemak tulang-tulang sebuah karangan. Pada peringkat ini, penulis perlu membaca dan menilai isi atau idea yang hendak diperkatakan. Penilaian dibuat untuk melihat ketepatan dan kesesuaian isi yang ditulis dengan apa yang hendak disampaikan kepada pembaca. Pada peringkat ini, penulis mungkin akan menambah idea yang dirasakan perlu, dan membuang idea yang tidak sesuai, kabur atau tidak tepat.

Penyemakan Peringkat Kedua

Membentuk semula cara isi dipersembahkan. Peringkat ini dikenali sebagai mengubah otot-otot sebuah karangan. Pada peringkat ini penulis mungkin perlu menentukan cara perancangan dan pengolahan isi yang hendak disampaikan jelas, supaya dapat menepati tujuan dan maksud yang hendak disampaikan. Penulis juga, perlu memikirkan tentang beberapa aspek seperti pembaca dan bagaimana isi yang hendak disampaikan dapat difahami oleh pembaca. Penulis juga, perlu menyusun semula aturan isi yang hendak dipersembahkan.

Penyemakan Peringkat Ketiga

Mencari dan membetulkan kesalahan mekanis yang dikenali sebagai peringkat penyuntingan. Penulis perlu menentukan struktur tatabahasa, penggunaan tanda bacaan, ejaan, dan juga format adalah betul mengikut peraturan penulisan yang lazim digunakan. Ini perlu bagi melicinkan pembacaan dan memudahkan pemahaman pembaca. (hlm. 41)

Awang Sariyan (1992), ada memberi beberapa senarai semak yang perlu diperhatikan oleh pelajar bagi memudahkan mereka menyemak karangan sendiri. Perkara-perkara tersebut seperti yang berikut :

- (a) Isi (idea): Adakah karangan anda menampilkan suatau idea pokok? Adakah semua idea yang anda kemukakan jelas dan matang? Adakah setiap idea itu saling berkaitan dan berperanan memperluas idea pokok,
- (b) Tujuan : Adakah karangan anda mempunyai tujuan yang jelas? Iaitu berkaitan

dengan persoalan yang ingin dikemukakan,

- (c) Binaan atau susunan : Adakah karangan anda disusun menurut rangka binaan wacana yang utuh? Rangka karangan mengandungi tiga komponen yang utama, iaitu pendahuluan, badan karangan, dan penutup. Adakah karangan telah disusun dalam perenggan-perenggan yang memperlihatkan urutan, pertalian, kepaduan, dan kesatuan?,
- (d) Ketepatan bahasa dan aspek mekanis : Adakah karangan anda mengandungi sintaksis (ayat), dan morfologi (kata) yang betul? Adakah kesalahan-kesalahan ejaan? Adakah tanda bacaan seperti noktah, koma, tanda pengikat kata, dan sebagainya digunakan dengan betul?, dan
- (e) Keberkesanan (gaya): Adakah ayat-ayat yang digunakan berkesan? Adakah kata yang anda pilih mempunyai kekuatan dan ketepatan maknanya? Adakah laras bahasa yang anda gunakan sesuai dengan bidang karangan itu? (hlm. 30)

Pelajar dapat melakukan penyemakan sendiri dengan lebih berkesan dan dapat menghasilkan sebuah karangan yang bermutu dengan menggunakan kelima-lima senarai semak di atas.

Menulis karangan berdasarkan pendekatan proses ini juga memerlukan pelajar menulis lebih daripada satu draf. Kajian Narayanan Kunci Raman (1991), melaporkan sekiranya guru menjalankan pendekatan proses secara total, jumlah masa yang diperlukan untuk menghasilkan sesebuah karangan ialah 240 minit. Ini kerana, pelajar akan menghasilkan empat draf bagi satu-satu tajuk karangan. Guru memikul tanggungjawab yang berat untuk memberi maklum balas yang tepat dan bermanfaat

kepada pelajar. Bagi memudahkan guru memberi maklum balas yang komprehensif, guru-guru juga boleh merujuk kepada senarai semak yang dicadangkan oleh Awang Sariyan (1992), dengan membuat beberapa penyesuaian berdasarkan objektif guru memeriksa karangan pelajar. Senarai semakan yang lengkap dapat memudahkan guru untuk memberi maklum balas yang berguna dalam pelbagai aspek penulisan karangan.

Kajian yang Berkaitan dengan Maklum Balas Guru di Luar Negeri

Memberi maklum balas atau memberi sambutan kepada karangan pelajar merupakan satu perkara yang penting dalam proses penulisan kerana maklum balas daripada guru berfungsi untuk membantu pelajar mengesahkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan dalam karangan dan membuat penyemakan (Cohen dan Calcevanti, 1987). Proses memberi maklum balas ini melibatkan kerjasama dan interaksi yang rapat antara guru sebagai pembaca dan pelajar sebagai penulis.

Salah satu cara yang biasa digunakan oleh guru untuk meningkatkan prestasi penulisan pelajar ialah dengan memeriksa karangan secara intensif. Melalui cara ini, guru perlu memeriksa sesebuah karangan dengan teliti. Selain daripada menanda, menunjuk, dan membetulkan setiap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar, ulasan-ulasan juga perlu ditulis. Pendekatan ini berpegang kepada falsafah sekiranya karangan pelajar diperiksa secara intensif, iaitu dengan teliti mengenai aspek-aspek penting dalam sesebuah karangan, kemahiran mengarang pelajar dari semasa ke semasa akan dapat ditingkatkan. Walaupun begitu, keberkesanan memeriksa karangan secara intensif ini tidak dapat dibuktikan sepenuhnya kejayaannya dalam meningkatkan kemahiran pelajar menulis karangan.

Buxton (1958), menjalankan satu kajian bagi menguji kesan kekerapan penulisan dan latihan karangan secara terpinpin ke atas peningkatan penulisan pelajar. Dapatan daripada kajiannya menunjukkan pelajar yang karangan mereka disemak secara intensif, diberi gred, dan dikomen oleh guru serta disemak semula oleh pelajar telah mencapai peningkatan dalam kualiti karangan, tetapi tidak signifikan berbanding dengan pelajar yang karangan mereka tidak disemak secara intensif dan hanya diberi beberapa cadangan umum sahaja. Buxton seterusnya, memberi cadangan selain daripada pemeriksaan secara intensif dan kekerapan dalam latihan mengarang, aspek perbincangan selepas sesuatu karangan itu dibaca dan diperiksa oleh guru memberikan kesan yang lebih signifikan untuk memperbaiki mutu karangan seterusnya.

Kajian yang dijalankan oleh Arnold (1963) di Florida School, melibatkan lapan kelas pelajar gred 10 dengan dua orang guru sebagai sampel kajian. Mereka dibahagikan kepada empat kumpulan dan diberi pendekatan yang berbeza dalam prosedur penyemakan karangan dan kekerapan penulisan seperti yang berikut:

- (a) kumpulan 1 - Pelajar tidak menulis karangan dengan kerap, dan karangan mereka disemak secara sederhana, iaitu tertumpu kepada struktur ayat sahaja. Aspek-aspek lain diberi perhatian pada latihan karangan yang lain,
- (b) kumpulan 2 - Pelajar menulis karangan dengan kerap, dan karangan mereka disemak secara sederhana,
- (c) kumpulan 3 - Pelajar tidak menulis karangan dengan kerap, tetapi karangan mereka disemak secara intensif. Guru menyemak setiap kesalahan dari segi mekanis, struktur ayat, dan menulis komen yang teliti ke atas keberkesanan karangan secara menyeluruh. Pelajar pula menyemak, membuat pembetulan,

dan menulis semula karangan mereka, dan

- (d) kumpulan 4 - Pelajar menulis karangan dengan kerap, dan karangan mereka juga disemak secara intensif.

Hasil daripada kajian ini menunjukkan penyemakan karangan secara intensif tidak menunjukkan kelebihan berbanding dengan penyemakan secara sederhana dalam meningkatkan kualiti karangan pelajar. Kesimpulannya, hasil daripada kajian Burton dan Arnold, menunjukkan tidak terdapat peningkatan yang signifikan dalam kualiti karangan pelajar, sungguhpun karangan mereka diperiksa secara intensif, diberi markah, dan diberi gred.

Bata (1972) menjalankan satu kajian untuk menentukan kesan teknik-teknik memberi maklum balas terhadap karangan pelajar. Sampelnya terdiri daripada 77 orang pelajar kolej yang dibahagikan kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama, karangan mereka disemak dengan memberi komen terhadap kekuatan dan kelemahan karangan yang dikesan dalam setiap ayat dan perenggan. Kumpulan kedua, karangan mereka disemak dan diberi komen yang ringkas terhadap kekuatan dan kelemahan yang ada. Sementara kumpulan ketiga, karangan mereka disemak dengan menggunakan kombinasi kedua-dua teknik di atas. Hasil kajiannya melaporkan tidak ada perbezaan yang signifikan di antara ketiga-tiga kumpulan dalam ujian sebelum dan selepas eksperimen dijalankan. Bata menyimpulkan bahawa, pelbagai kaedah penyemakan karangan menampakkan hanya sedikit kesan terhadap kebolehan pelajar menulis karangan.

Kajian yang dijalankan oleh Bamberg (1978), menunjukkan walaupun pelajar memerlukan maklum balas daripada guru terhadap hasil penulisan, tetapi

penggunaan pen merah yang terlalu banyak sewaktu menandakan karangan tidak dapat membantu meningkatkan mutu penulisan pelajar. Beliau sebaliknya menekankan aspek penyemakan (revision). Menurutny, para pelajar yang mempelajari dengan baik tentang bagaimana hendak menyemak semula karangan mereka akan dapat menghasilkan karangan yang lebih baik daripada pelajar yang tidak mempelajari cara melakukan penyemakan.

Proett dan Gill (1986), juga menyetujui pendapat ini kerana pengalaman di bilik darjah menunjukkan bahawa para pelajar memperoleh sedikit kejayaan apabila guru menggunakan pen merah untuk menandakan kesalahan pelajar. Hasil penyelidikan juga, tidak dapat membuktikan wujudnya kolerasi di antara pembetulan kesalahan dengan peningkatan kebolehan pelajar menulis karangan.

Norris (1995), membuat satu kajian yang berdasarkan kepada andaian penulisan karangan pelajar yang telah dewasa akan meningkat sekiranya maklum balas secara komprehensif digunakan dan ditambah dengan penerangan-penerangan yang lengkap. Kajian dibuat selama 13 minggu kepada seorang pelajar dan dalam tempoh ini pelajar telah menghasilkan lapan buah karangan. Karangan tidak digredkan, tetapi sebaliknya diberi maklum balas secara menyeluruh terhadap kesilapan-kesilapan tatabahasa, isi, dan organisasi karangan. Maklum balas yang diberi banyak berbentuk positif. Pelajar juga diberi peluang bertanya soalan sekiranya cadangan yang diberi oleh guru tidak dipersetujui. Pelajar juga diajar untuk membuat penyemakan sendiri bagi memperbaiki karangan yang telah ditandakan. Walaupun maklum balas diberi secara lengkap, hasil daripada kajian yang dijalankan ini menunjukkan tidak terdapat sebarang kemajuan ke atas karangan pelajar. Kesimpulan yang dapat dibuat ialah dalam masa satu semester,

iaitu 13 minggu pelajar tidak dapat meningkatkan kemahiran mengarang walaupun maklum balas diberi secara komprehensif. Ini menunjukkan untuk mendapatkan kemahiran menulis karangan, lebih banyak masa yang diperlukan.

Bentuk maklum balas yang diberi sama ada bersifat positif atau negatif juga boleh mempengaruhi sikap pelajar terhadap menulis karangan. Misalnya, kajian Clarke (1969), datanya dipungut daripada karangan yang ditulis oleh 141 orang pelajar gred 11 dan disemak oleh dua orang guru dengan memberi komen-komen yang berlainan. Selepas meneliti komen-komen guru, pelajar melengkapkan soal selidik. Dapatan daripada kajian ini telah memberi dua kesimpulan, iaitu:

- (a) komen-komen negatif menghasilkan skor yang lebih rendah dalam pengukuhan, kepuasan dan keyakinan pelajar menulis karangan berbanding dengan komen-komen yang positif, dan
- (b) kombinasi komen negatif dan komen positif (pujian-pujian) berjaya menghasilkan penulis yang berpuas hati dan berkeyakinan.

Gee (1972), menjalankan kajian untuk menguji kesan tiga teknik memberi maklum balas kepada penulisan pelajar. Pelajar dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu kumpulan satu hanya diberi pujian tanpa apa-apa cadangan untuk kemajuan, dan kesalahan yang ada juga tidak diberi perhatian. Kumpulan dua, diberi kritikan bersama dengan cadangan-cadangan untuk memperbaiki, tetapi aspek kekuatan dan kelemahan karangan tidak diberi perhatian. Kumpulan tiga pula, tidak diberi sebarang komen. Hasil kajian menunjukkan pelajar yang diberi pujian mempunyai sikap yang lebih positif terhadap penulisan.

Walaupun begitu, kajian yang dijalankan oleh Waghe (1978) pula, mendapati

tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kritikan yang positif dengan kritikan yang negatif ke atas peningkatan mutu penulisan karangan pelajar. Walaupun begitu, umumnya ramai pengkaji yang bersetuju bahawa kritikan yang negatif lebih cenderung untuk menghasilkan sikap negatif pelajar terhadap penulisan karangan.

Zak (1993) pula, mencadangkan apabila memberi maklum balas, guru mestilah memuji pelajar yang baik, beri mereka peluang untuk bertanya bagi menambahkan fakta, dan membuat perbincangan tentang apa yang boleh menjadikan sebuah karangan itu baik.

Pelajar perlu menghasilkan beberapa draf, iaitu bermula daripada peringkat prapenulisan sehingga terhasilnya sebuah karangan yang lengkap apabila mereka menulis karangan berdasarkan pendekatan proses. Sekiranya dalam setiap penghasilan draf ini guru dapat memberikan maklum balas ia amat bermakna kepada pelajar. Misalnya, kajian yang dijalankan oleh Knoblauch dan Brannon (1981), menyatakan bahawa komen-komen terhadap draf-draf yang diikuti pula dengan penyemakan semula oleh pelajar akan dapat meningkatkan kualiti penulisan pelajar. Pelajar pada kebiasaannya memerlukan penerangan tambahan, iaitu setelah diberi komen mereka perlukan perbincangan di dalam kelas atau secara individu tentang penyemakan semula. Maklum balas yang diberi oleh guru menjadi lebih bermakna apabila pelajar memanfaatkan maklum balas tersebut dengan bertindak balas terhadap komen-komen yang guru catatkan.

Kajian juga telah banyak dibuat tentang sama ada untuk memberi maklum balas atau menunjukkan kesalahan secara langsung 'directly' atau secara tidak langsung 'indirectly'. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan jawapan yang berbeza-beza.

Hendrickson (1978), membuat kajian terhadap kesan memberi maklum balas secara langsung dan menunjukkan jawapan yang betul berbanding dengan hanya menandakan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Kajian mendapati kedua-dua cara ini tidak dapat mengurangkan kesilapan pelajar dalam karangan yang seterusnya. Kajian oleh Lalande (1982) pula, mendapati kumpulan pelajar yang diberi maklum balas secara langsung oleh guru menunjukkan peningkatan berbanding dengan kumpulan pelajar yang tidak ditunjukkan secara langsung tentang kesilapan-kesilapan mereka.

Semke (1984), mendapati pembetulan yang dijalankan secara terang-terang ke atas karangan pelajar boleh mendatangkan kesan negatif kepada kualiti karangan dan juga kepada sikap pelajar untuk terus menulis. Pelajar sebaliknya menganggap maklum balas menjadi lebih berkesan hanya sekiranya mereka menganggap pembetulan kesalahan sebagai satu cara untuk menyelesaikan masalah ketidakfahaman dan bukan sebagai satu aturan yang telah ditentukan oleh guru ke atas mereka, kerana ini boleh menghasilkan tindak balas negatif.

Kajian seterusnya dijalankan oleh Robb et al. (1986), untuk melihat kesan empat cara yang berbeza ke atas memberi maklum balas. Sampelnya terdiri daripada 134 orang pelajar. Setiap orang pelajar menulis sebuah karangan setiap minggu dan maklum balas yang diberikan berbeza bagi setiap kumpulan. Kumpulan satu, maklum balas yang diberikan ialah dengan cara memberi pembetulan kepada semua kesalahan; kumpulan dua hanya diberi kod-kod tertentu mengikut kesalahan yang dilakukan; kumpulan tiga, ditandakan kesemua kesalahan; dan kumpulan empat, kesalahan ditandakan hanya dalam margin tanpa diberitahu jenis kesalahan yang dilakukan. Kajian yang dijalankan ini, secara amnya mendapati lebih banyak maklum balas diberi

secara terus yang memerlukan banyak masa dan tenaga guru tidak semestinya berjaya meningkatkan kualiti karangan pelajar. Dapatan juga menambah, maklum balas yang menunjukkan kesalahan secara terang-terang 'overt' juga tidak membawa apa-apa kesan ke atas peningkatan mutu karangan pelajar. Ini menunjukkan lebih banyak pembetulan dibuat secara intensif oleh guru, tidak semestinya menjadikan karangan pelajar yang seterusnya lebih baik.

Langdon (1988) pula, mengkaji kesan dua cara guru memberi komen bertulis, iaitu komen spesifik dan eksplisit berbanding komen kurang spesifik dan kurang eksplisit untuk meningkatkan pencapaian karangan pelajar. Sampel kajiannya pelajar gred tujuh dan kajiannya dalam jangka masa lapan bulan. Analisis ujian pos menunjukkan kumpulan yang menerima komen paling spesifik dan eksplisit menunjukkan pencapaian lebih signifikan berbanding kumpulan sebaliknya. Komen-komen yang berkesan, iaitu yang menunjukkan kesilapan-kesilapan yang jelas dalam mekanis penulisan, dan menyediakan maklumat yang mencukupi bagi membuat pembetulan lebih berkesan bagi meningkatkan pencapaian pelajar berbanding jika guru hanya mengedit kesilapan pelajar.

Kajian Fattman dan Whalley (1985) pula, membandingkan maklum balas guru yang berfokuskan kepada bentuk dan isi dalam meningkatkan karangan pelajar. Sampelnya terdiri daripada 72 orang pelajar. Kumpulan yang berfokus kepada bentuk karangan mendapat maklum balas dari segi tatabahasa, iaitu semua kesalahan tatabahasa ditandakan dengan garisan. Kumpulan yang berfokus kepada isi karangan, maklum balas yang ditulis ialah seperti 'good description' atau 'interesting narration' dan ditambah dengan beberapa cadangan seperti tambahkan isi atau kembangkan lagi

paragraf. Hasil daripada kajian ini menunjukkan pelajar yang menerima maklum balas dalam aspek tatabahasa menunjukkan peningkatan dalam tatabahasa apabila karangan mereka dibaiki semula. Bagi pelajar yang menerima maklum balas dalam aspek isi tidak menunjukkan peningkatan dalam karangan mereka yang seterusnya.

Kajian yang dijalankan tentang cara guru memberi maklum balas terhadap karangan pelajar menunjukkan ada maklum balas yang ditulis mengelirukan pelajar. Misalnya, Zamel (1985) yang membuat kajian kepada guru-guru ESL mendapati kebanyakan guru menulis maklum balas yang tidak jelas, kabur dan tidak tekal. Maklum balas seperti 'apa yang awak maksudkan', 'perkataan salah', 'bolehkah awak menjelaskan ini dengan lebih tepat', sebenarnya tidak membantu pelajar dalam penyemakan semula kerana maklum balas yang diberikan ini tidak memberi apa-apa maklumat untuk pelajar memperbaiki karangannya. Ada juga pelajar yang menghadapi masalah mentafsir komen yang ditulis oleh guru. Misalnya, kajian kes yang dijalankan oleh Freedman (1987), mendapati pelajar tidak faham maklum balas yang diberi oleh guru. Oleh itu maklum balas yang diberi tidak membawa apa-apa makna.

Cohen (1987) melaporkan ramai pelajar tidak membaca maklum balas daripada guru dan yang membaca pula kurang menggunakannya sebagai panduan untuk memperbaiki karangan yang sedia ada atau apabila menulis karangan yang seterusnya.

Reaksi Pelajar Terhadap Maklum Balas Guru

Terdapat juga beberapa kajian yang dijalankan memberi fokus kepada reaksi pelajar terhadap maklum balas yang diberikan oleh guru. Misalnya, kajian yang

dijalankan oleh Lynch dan Klemans (1978), melaporkan bahawa pelajar menganggap komen-komen seperti yang berikut adalah paling bermanfaat, iaitu (a) komen-komen yang teliti dan disertakan dengan contoh-contoh yang berkaitan, (b) komen-komen yang jelas dan dapat difahami oleh pelajar, (c) komen-komen yang nyata dan bukan pendapat peribadi guru, dan (d) komen-komen yang positif dan menggalakkan.

Kajian King (1980) pula, mendapati maklum balas guru dengan cara menanda kesilapan-kesilapan dan diikuti dengan penerangan cara-cara untuk membetulkan kesilapan-kesilapan tersebut adalah lebih bermanfaat kepada pelajar, berbanding jika guru hanya menyemak karangan tanpa sebarang penerangan mengenainya. Pendapat ini dipersetujui oleh Land dan Evans (1987) yang menyatakan walaupun komen-komen berbentuk positif, tetapi jika tanpa penerangan ia tidak memberi manfaat dalam pengajaran dan pembelajaran karangan.

Barnes membuat kajian dalam tahun (1985), mendapati pelajar dalam kajiannya telah melaporkan bahawa komen-komen guru semacam satu tekanan untuk membetulkan kesilapan semata-mata. Mereka akan mengedit dan menyemak semula karangan dengan hanya membetulkan kesilapan-kesilapan mekanis sahaja. Oleh itu, beliau mencadangkan penyemakan karangan bukan hanya berfokus kepada kesilapan-kesilapan dalam aspek mekanis tetapi mestilah kepada masalah pemahaman pembaca terhadap penulisan berkenaan.

Zamel (1987), melaporkan salah seorang daripada pelajar ESLnya ada menyatakan dalam perkataannya sendiri tentang kekecewaannya kerana terpaksa menulis mengikut kemahuan guru,

... My teacher emphasizes on the rules and limitation how to write a research paper, for example, avoiding a topic too broad, too subjective,

too controversial, too familiar, too technical. She is my reader, my grader. Since she emphasizes on rules and limitation, she must grade according to these things. So, I have to follow such rules. Then in such circumstances, I feel did not dare to strike even a step: all around me were abysses - each step was full of danger: I felt I was restricted and I could not write any more. I felt upset and frustrated. I lost my desirousness and confidence to write. (hlm. 689)

Kenyataan di atas menunjukkan guru tidak perlu terlalu menekankan kepada peraturan menulis kerana ini akan menyebabkan pelajar rasa kecewa dan boleh menghilangkan minat mereka untuk terus menulis.

Kajian yang dijalankan oleh (Cohen dan Cavalcanti, 1990; McCurdy, 1992) melaporkan dapatan yang lebih positif tentang reaksi pelajar terhadap maklum balas guru. Kajian-kajian itu melaporkan keseluruhan pelajar dalam kajian tersebut gembira terhadap maklum balas yang mereka terima. Mereka memberi perhatian terhadap maklum balas yang ditulis dan menganggap ulasan-ulasan ini sangat membantu dalam memperbaiki karangan mereka. McCurdy juga menambah, ada pelajar menghadapi masalah memahami maklum balas yang ditulis, dan bagi mengatasinya antara langkah yang dilakukan ialah bertanya guru atau merujuk kepada buku tatabahasa bagi membuat pembetulan.

Keh (1990) juga, ada membuat kajian bagi mendapatkan reaksi pelajar terhadap bentuk maklum balas yang guru berikan, iaitu adakah maklum balas dalam bentuk satu perkataan, bentuk frasa, bentuk ayat atau maklum balas dalam bentuk soalan-soalan yang lebih bermanfaat kepada pelajar. Hasil daripada kajian yang dijalankan menunjukkan maklum balas satu perkataan kurang membantu berbanding dengan maklum balas yang lebih panjang kerana ia dapat memberi banyak maklumat. Contohnya, perkataan 'baik' merupakan satu masalah kerana pelajar tidak jelas

maknanya. Adakah 'baik' itu bermaksud kepada isi, gaya penulisan atau tatabahasanya. Pelajar juga berminat kepada maklum balas yang menjurus kepada satu masalah khusus dengan diberi cadangan-cadangan atau panduan bagi penyemakan semula. Maklum balas yang dapat menyatakan secara keseluruhan kekuatan dan kelemahan pelajar juga disukai oleh pelajar. Mereka berminat karangan mereka diberi pujian dahulu dan diikuti dengan perkara-perkara yang perlu dibetulkan. Pelajar juga melaporkan, maklum balas dalam bentuk soalan-soalan juga amat bermakna kerana soalan-soalan akan memaksa pelajar berfikir untuk mencari jawapannya. Pelajar dalam kajian ini juga didapati membaca maklum balas dan komen-komen yang ditulis oleh guru.

Kajian yang dijalankan oleh Radecki dan Swales (1988), mendapati secara amnya pelajar menggemari komen-komen secara mendalam dalam bahagian tatabahasa berbanding dengan isi karangan. Kajian yang dijalankan oleh Hedgcock dan Lefkowitz (1994) pula, melaporkan pelajar memberi lebih perhatian kepada maklum balas terhadap bentuk karangan dan isi karangan.

Bagi kajian mengenai anggapan dan reaksi pelajar terhadap maklum balas yang guru beri kepada karangan-karangan mereka, antara soalan-soalan yang dikemukakan ialah adakah pelajar membaca maklum balas yang ditulis oleh guru?, adakah pelajar memberi perhatian terhadap maklum balas yang diberikan?, dan adakah pelajar menghadapi masalah memahami maklum balas yang ditulis oleh guru, dan sekiranya ada bagaimanakah cara yang mereka lakukan bagi mengatasi masalah ini? Hasil kajian menunjukkan sebahagian besar pelajar mendakwa mereka membaca semula karangan mereka dan memberi perhatian terhadap maklum balas yang ditulis oleh guru. Cuma 20% menjawab mereka tidak memberi perhatian terhadap ulasan-ulasan dan maklum

balas yang diberikan.

Kajian McPherson (1995) memberi fokus kepada beberapa reaksi yang diberikan oleh pelajar dalam kajiannya, terhadap komen yang guru beri terhadap hasil kerja mereka. Antara reaksi pelajar ESL dalam kajiannya ialah:

Noppadom

... I don't feel angry when the teacher corrects me, because the teacher teachers me.

Yeong Tae

... When the teacher corrects me, I have to appreciate it, but I might feel a bit - not angry- but depressed. Generally, it depends on the situation and the teacher's method.

Hyun Ah

... If many people are looking at me when the teacher tells me I am wrong, I feel very ashamed, but after I thank the teacher. (hlm. 49)

Oleh itu, adalah penting untuk guru berhati-hati apabila memberi maklum balas kepada para pelajar supaya tidak menghilangkan minat mereka untuk terus menulis. Ini penting kerana tidak semua pelajar bersifat terbuka terhadap maklum balas atau kritikan yang diberi oleh guru. Maklum balas yang diberikan mestilah dapat membantu meningkatkan motivasi pelajar untuk terus memperbaiki kemahiran menulis mereka.

Kajian yang Berkaitan dengan Maklum Balas Guru di Malaysia

Beberapa kajian yang berkaitan tentang cara guru memberi maklum balas terhadap hasil penulisan karangan pelajar telah dijalankan di dalam negeri. Antaranya oleh Choong (1988), yang membuat satu kajian untuk melihat sikap dan keutamaan pelajar terhadap pembetulan kesalahan. Sampelnya terdiri daripada 72 orang pelajar; iaitu 24 orang pelajar Melayu, 24 orang pelajar Cina, dan 24 orang pelajar India.

Mereka terdiri daripada pelajar yang berprestasi sederhana dan berprestasi rendah, dan belajar di tingkatan empat di sebuah sekolah menengah di Kajang, Selangor. Secara khusus, tujuan kajian beliau ialah untuk: (a) membandingkan sikap pelajar terhadap pembetulan kesalahan mengikut keturunan dan tingkat kemahiran penulisan, (b) membandingkan keutamaan pelajar terhadap pembetulan kesalahan mengikut keturunan dan tingkat kemahiran penulisan, dan (c) membandingkan sikap pelajar terhadap pembetulan kesalahan yang dilakukan oleh rakan-rakan sedarjah mengikut keturunan dan tingkat kemahiran penulisan.

Hasil daripada kajian ini mendapati, kesemua pelajar menunjukkan sikap yang positif terhadap pembetulan kesalahan dan bersetuju pembetulan kesalahan sangat penting dalam proses pembelajaran bahasa. Beberapa contoh pendapat pelajar tentang pembetulan kesalahan yang dirakamkan oleh Choong (1988) seperti yang berikut :

... dengan adanya pembetulan kesalahan, saya tahu di mana letaknya kelemahan saya .

... jika kesalahan saya tidak dibetulkan saya mungkin akan terus melakukan kesalahan. Jadi pembetulan kesalahan penting supaya saya tidak mengulangi kesalahan yang sama .

... dengan adanya pembetulan kesalahan saya dapat memperbaiki kesalahan saya . (hlm. 6)

Kajian juga menunjukkan berdasarkan tingkat pencapaian pelajar, didapati 63.6% pelajar yang agak lemah penguasaan bahasa mereka lebih suka jika kesalahan mereka diperbetulkan dengan lebih kerap. Sementara 44.4 % pelajar yang berprestasi lebih tinggi penguasaan bahasanya mahu kesalahan mereka dibetulkan dengan kerap. Kajian Choong juga, mendapati teknik pembetulan kesalahan yang paling digemari oleh semua kaum ialah dengan cara guru menerangkan kesalahan yang

dilakukan secara lisan dan secara individu.

Jika dilihat dari segi jenis kesalahan yang perlu dibetulkan, bagi pelajar yang berprestasi rendah mereka mahukan kesemua kesalahan dibetulkan dan bagi pelajar yang berprestasi sederhana, mereka mahu kesilapan-kesilapan tertentu sahaja dibetulkan. Kesimpulannya didapati, antara pelajar yang berprestasi sederhana dan pelajar yang berprestasi rendah, mereka mempunyai kecenderungan yang berbeza terhadap pembetulan kesalahan. Oleh sebab itu, guru perlu prihatin terhadap keperluan pelajar yang berbeza-beza ini.

Kajian oleh Yap Kim Fatt (1991), dijalankan selama 10 minggu di Sekolah Menengah Jalan Cheras, Kuala Lumpur melibatkan sampel seramai 40 orang yang terdiri daripada pelajar berprestasi tinggi dan pelajar berprestasi rendah. Kajian beliau mengenai kesan sambutan interaktif terhadap penulisan karangan pelajar tingkatan empat. Sambutan interaktif bermaksud satu prosedur penyemakan karangan yang melibatkan interaksi di antara penulis dan pembaca. Pelajar menulis karangan dan guru memberi sambutan kepada penulisannya, dan kemudian penulis bertindak balas terhadap sambutan yang telah diterima. Kedua-dua pihak saling bertindak balas dalam proses penulisan bagi mewujudkan satu komunikasi yang berkesan.

Hasil daripada kajian ini menunjukkan prosedur sambutan interaktif berjaya menambah keyakinan pelajar dan dapat mengurangkan kerisauan terhadap penulisan. Sambutan interaktif juga berjaya mendorong pelajar terlibat secara aktif dan berjaya meningkatkan komitmen mereka dalam penulisan. Kajian juga mendapati, terdapat pertambahan yang signifikan terhadap perkembangan kualiti penulisan para pelajar dalam ujian selepas kajian (post test). Walaupun begitu, didapati pelajar berprestasi

rendah lebih memanfaatkan prosedur sambutan interaktif berbanding pelajar berpencapaian tinggi kerana didapati pencapaian markat pelajar berpencapaian rendah lebih tinggi berbanding dengan pencapaian markat pelajar berpencapaian tinggi.

Kajian yang dijalankan oleh Lim Siew Kim (1994), mengambil seorang guru ITM dan dua orang pelajarnya sebagai sampel kajian. Pelajar yang menjadi sampel kajian terdiri daripada seorang pelajar berpencapaian tinggi dan seorang pelajar berpencapaian sederhana. Kajiannya bertujuan untuk melihat tumpuan utama guru apabila memberi maklum balas terhadap karangan pelajar dan bagaimana reaksi pelajar terhadap maklum balas guru.

Hasil dapatan daripada kajian beliau menunjukkan guru memberi tumpuan lebih kepada bentuk karangan berbanding dengan isi karangan. Ulasan-ulasannya juga bersifat am, tidak begitu jelas, dan tidak khusus kepada teks karangan. Kajian juga mendapati maklum balas guru terhadap karangan pelajarnya juga banyak bergantung dan dipengaruhi oleh kepercayaan, andaian dan pengalaman lampau mereka terhadap pengajaran dan pembelajaran karangan. Contohnya, memeriksa karangan memerlukan masa yang lama, tidak adanya interaksi guru pelajar, dan andaian menghasilkan karangan itu adalah satu tugas yang sukar. Penulisan semula karangan oleh pelajar banyak bertumpu kepada pembetulan tatabahasa dan bentuk-bentuk ayat yang salah. Perkara ini berlaku kerana maklum balas guru sendiri banyak bertumpu kepada kesalahan-kesalahan bentuk ini.

Siti Zaleha (1995), dalam kajian yang dijalankan memilih sampel terdiri daripada guru-guru pelatih Diploma TESL Maktab Perguruan Ilmu Khas. Karangan yang dinilai ialah karangan pelajar tingkatan satu di sebuah sekolah di Kuala Lumpur.

Hasil daripada data yang dikumpulkan, menunjukkan guru-guru pelatih ini memilih cara memeriksa karangan secara intensif dengan menandakan semua kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Komen-komen yang diberikan berfokus kepada kesilapan-kesilapan mekanikal dan kesilapan-kesilapan tatabahasa. Pemeriksaan juga menumpukan kepada kemahiran menulis yang rendah seperti ejaan, penyambung ayat, dan struktur-struktur tatabahasa. Tumpuan kepada kemahiran menulis yang lebih tinggi seperti cara mengembangkan idea dan cara membina sebuah organisasi teks yang baik kurang diberi perhatian.

Guru juga berkecenderungan menandakan semua kesalahan yang ada, iaitu dengan cara menanda tanda / kepada kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Guru juga menulis maklum balas seperti 'baik' atau 'sangat baik'. Menurut beliau,

... this is at the extreme end of the marking style continuum. Whether this form of marking encourages or confuses, the students is any ones's guess. With this kind of marking there is no indication of what is 'good' in the composition. (hlm. 63)

Kajian yang dijalankan oleh Chuang Kwei Yin (1995), mengambil dua orang guru yang mengajar ESL di ITM sebagai peserta kajian. Kajiannya bertujuan untuk melihat kesan sikap guru ke atas maklum balas yang diberikan terhadap karangan pelajar. Dapatan kajiannya menunjukkan maklum balas guru masih banyak terhadap bentuk karangan, dan pembetulan karangan di peringkat mekanis. Ini kerana, pada tanggapan guru, karangan yang baik ialah karangan yang bebas dari kesalahan-kesalahan bahasa.

Kajian yang dijalankan oleh Tunku Mohani Tunku Mohtar (1997), tentang kesan maklum balas lisan yang diberikan oleh guru terhadap perlakuan pelajar semasa

belajar mata pelajaran Bahasa Inggeris mendapati, maklum balas yang diberi dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk menyertai kegiatan-kegiatan dalam kelas, menggalakkan mereka berfikir secara kritis, memberi maklumat kepada pelajar, dan dapat memberi panduan kepada pelajar untuk membetulkan kesilapan-kesilapan yang mereka lakukan. Kajiannya telah merumuskan bahawa guru perlu sedar cara memberi maklum balas yang berkesan bagi membolehkan pelajar berinteraksi dan berfikir secara kritis.

Zainiyah Md. Zain (1997), dalam kajiannya mendapati pembetulan kesilapan aspek permukaan ayat berdasarkan kod pembetulan telah memberi sumbangan untuk meningkatkan karangan pelajar . (hlm. vi)

Rumusan

Hasil daripada tinjauan kajian-kajian yang telah dijalankan menunjukkan terdapat pelbagai cara digunakan oleh guru untuk memberi maklum balas terhadap karangan pelajar. Cara guru memberi maklum balas ini memberi kesan kepada cara pelajar membaiki karangan bagi meningkatkan mutu penulisan mereka.

Hasil daripada tinjauan kajian-kajian ini juga, memberi maklumat tentang pendapat dan reaksi pelajar terhadap maklum balas yang diberi oleh guru. Maklum balas yang berkesan ialah maklum balas yang dapat membantu pelajar mengenal pasti kesilapan yang dilakukan serta dapat membantu pelajar memperbaiki hasil penulisan karangan yang seterusnya.